

Nama Pelajar Tingkatan



PERSIDANGAN MAJLIS PENGETUA
MAAHAD KERAJAAN / SMU (A) BANTUAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN



1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2009
 $2\frac{1}{4}$ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A

(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

[30 markah]

Carta di bawah menunjukkan sebahagian daripada "Kempen Cara Hidup Sihat." Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang perlu dijalankan untuk melahirkan masyarakat yang sihat sepanjang masa. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEMPEN CARA HIDUP SIHAT

Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda mempunyai impian untuk menjadi seorang pemimpin negara yang disegani dan dihormati pada masa akan datang.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh anda untuk mencapai impian tersebut.

2. Masyarakat kita perlu dididik supaya menjadi pengguna yang bijak kerana pengguna yang bijak akan memperoleh faedah yang banyak.

Ulaskan pernyataan di atas.

3. Pemupukan semangat patriotisme sangat penting untuk melahirkan masyarakat penyayang, negara yang aman, bangsa yang bersatu padu, dan keluhuran budi.

Berikan pandangan anda tentang usaha yang perlu dijalankan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat di negara kita.

4. Sejak kebelakangan ini, banyak negara telah mengalami ancaman penularan penyakit berbahaya yang amat membimbangkan penduduk dunia.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

5. Lazimnya dalam sesebuah karya sastera mempunyai banyak nilai murni yang boleh dihayati dan membentuk keperibadian pelajar sekolah.

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk satu karya sastera yang telah anda baca.

KERTAS SOALAN TAMAT

Nama Pelajar..... Tingkatan.....



**PERSIDANGAN MAJLIS PENGETUA
MAAHAD KERAJAAN / SMU (A) BANTUAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN**



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2009
 $2\frac{1}{2}$ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

TINGKATAN 5

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), dan Soalan 2 (d) berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan pemanasan global dan punca-punca terjadinya fenomena ini. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Isu pemanasan global sudah banyak diperkatakan oleh pakar-pakar sains dan geologi tetapi sehingga kini belum lagi mendapat perhatian yang serius oleh negara-negara maju. Ketika kerajaan sibuk membuat persiapan menghadapi bencana banjir yang biasanya melanda negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung pada setiap hujung tahun, tiba-tiba hampir semua negeri di Pantai Barat dilanda banjir paling teruk dalam tempoh 37 tahun, pada bulan November 2006. Bencana luar biasa ini sepatutnya memberi pengajaran kepada semua pihak bahawa fenomena alam sekarang ini tidak lagi boleh diduga dan diramalkan oleh pihak pengkaji cuaca dan iklim tempatan. Perubahan cuaca boleh berlaku secara mendadak serta tidak menentu dan perubahan ini dikatakan amat berkait rapat dengan isu pemanasan global.

Pakar-pakar geologi meramalkan, pemanasan global akan memberi kesan yang amat besar kepada kehidupan dan kesejahteraan manusia sejagat. Salah satu andaian yang dibuat ialah beberapa buah bandar di negara ini yang terletak di kawasan rendah seperti Klang, Pekan, dan Miri akan ditenggelami air secara kekal dalam tempoh 50 tahun lagi. Sementara itu, di Antartika, sebuah kawasan bongkah ais benua yang dikenali sebagai Larsen Iceshelf mula mencair dan jika keadaan ini berterusan, air laut boleh meningkat sehingga 60 meter dan mampu menenggelamkan Kuala Lumpur yang berada hanya kira-kira 46 meter di atas paras laut. Jika Kuala Lumpur boleh ditenggelami air maka cuba bayangkan bagaimanakah akan terjadi di bandar-bandar utama dunia yang terletak di pinggir laut dan muara sungai. Semuanya pasti akan ditenggelami air.

Kesan pemanasan global bukan sahaja memusnahkan harta benda tetapi turut mengancam nyawa manusia. Fenomena ini juga menyebabkan beberapa bahagian dunia seperti Afrika berhadapan dengan ancaman penyakit yang berbahaya. Keadaan suhu dan cuaca dunia yang berubah di luar jangkaan juga merupakan satu lagi kesan yang dirasai akibat pemanasan global. Benua Eropah misalnya selalu dikaitkan dengan cuaca sejuk sementara Afrika pula dikaitkan dengan cuaca panas. Namun senario itu sudah berubah sekarang ini. Beberapa tempat di benua Afrika telah dituruni salji pada tahun 2006 iaitu kali pertama sejak 26 tahun. Sementara itu, pada tahun yang sama cuaca panas melampau telah melanda bandar raya Paris di Perancis dan mengakibatkan 29 orang penduduk terkorban. Tahun 2004 dan 2005 pula direkodkan sebagai tahun paling panas di muka bumi sejak suhu bumi mula dicatat pada 1861.

Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menganggarkan 25 hingga 40 peratus spesies flora dan fauna akan kehilangan habitat menjelang 2085 akibat fenomena pemanasan global ini. Malahan kepanasan yang melampau akan mengakibatkan tumbesaran tanaman terganggu dan sekali lagi manusia sejagat akan menanggung akibatnya.

Sebagai pengguna, kenaikan harga sayur-sayuran pasti tidak dapat dielakkan dan ini sudah tentulah membebankan kita. Cuaca yang melampau kesan daripada pemanasan global juga akan menyebabkan pertambahan penyakit bawaan vektor seperti malaria, taun, dan denggi. Pemanasan global juga akan mempergiat proses cuaca sehingga menyebabkan berlakunya pelbagai perubahan mendadak dalam tempoh yang tidak menentu. Kesannya, bencana seperti banjir besar semakin sukar untuk diramalkan walaupun terdapat data tertentu yang menyokong perubahan cuaca. Menurut pakar-pakar lagi, pemanasan global boleh menyebabkan berlaku perubahan tabiat alam termasuk peningkatan gelombang panas dan puting beliung. Bagi mengatasi kesan pemanasan global ini pada peringkat dunia, banyak tindakan yang diambil termasuk pengisytiharan oleh kebanyakan negara untuk mengurangkan pembebasan gas rumah hijau. Rakyat di negara ini juga perlu memahami bahawa mereka turut menyumbang kepada berlakunya fenomena pemanasan global.

(Dipetik dan diubahsuaiarkan daripada
Munirah Ahmad, *Pemanasan Global Berakhirkah Bumi Kita?*
Dewan Masyarakat, Julai 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kesejahteraan manusia sejagat* *[2 markah]*
- (ii) Nyatakan beberapa bukti yang menunjukkan bahawa cuaca bumi berubah di luar jangkaan kesan daripada pemanasan global. *[3 markah]*
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah pemanasan global? *[4 markah]*

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku hampir terkedu. Pernah dulu sebakku berbaur dengan perasaan yang menghenyak pundak apabila ma menyongsong kotak *Apple Macintosh Powerbook 165c* dengan berat kurang lebih 3 kg pada 27 Februari lepas.

“Ini bukan hanya lambang kasih sayang ma pada Zel sempena hari lahir Zel. Tapi ma mahu lambang kecanggihan ini dapat Zel jadikan gerakan untuk terus berjaya dalam pelajaran, dalam hidup. Selamat hari lahir, sayang mama.”

Aku terkesima. *Powerbook* yang memiliki kelebihan pemproses 68 030 yang beroperasi pada kelajuan 33 megahertz itu merupakan keluaran terkini syarikat usaha sama ma, *MZ Interscience Co.* Aku hanya mampu menggeleng beberapa kali dengan pemberian termahal itu.

“Komputer *Powerbook* 165c ini mempunyai reputasi sebagai komputer yang jauh lebih bertenaga daripada kebanyakan komputer *desktop* utama di pasaran. Zel tahu *Powerbook* ini boleh menampung sehingga 14 megabyte RAM untuk Zel bekerja dengan pelbagai penggunaan pada suatu masa,” terang mama yang sedang sibuk menilik-nilik katalog yang terlampir. Dalam usianya mencelah 45 tahun, aku sesungguhnya bangga mempunyai seorang mama yang berkebolehan dalam bidang komputer. Mama bukan sekadar menjadi pengedar peralatan komputer tetapi bijak tentang apa sahaja dalam dunia komputer.

“Mama kau tu *advanced*. Patutlah abah kau rasa *inferior*.” Pernah Win berbisik begitu apabila kami tersempak dengan ma di ruang legar pusat membeli-belah di bandar. Ketika itu ma sibuk mengadakan pameran komputer *Powerbook* terbarunya.

“Apa maksud kau?” Aku menarik perhatian Win, mengajaknya keluar dari ruang legar menerusi pintu automatik.

(Dipetik daripada cerpen *Virus Zel Untuk Abah* oleh Mawar Shafei dalam *Antologi Kerusi*, DBP, 2000).

- (i) Nyatakan keistimewaan komputer yang dihadiahkan oleh mama kepada Zel sempena hari lahirnya. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan Mama Zel dalam bidang perniagaan? [4 markah]
- (iii) Huraikan satu nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan dua nilai lagi daripada keseluruhan cerpen tersebut. [3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah hari pun malamlah, ia pun datang kepada sarang bayan itu. Lalu ditutupnya lubang bayan itu. Setelah hari siang, maka burung bayan itu pun hendak keluar, dilihatnya pintu lubangnya tumpat ditutup orang. Maka kata bayan, "Hai anakku, apakah kataku? Bahawa sesungguhnya bencana ini daripada cerpelai juga datangnya, tetapi marilah kita muafakat, apabila datang budak itu hendak mengambil kita, maka kita bermatikan diri kita."

Setelah sudah tinggi hari, maka budak itu pun datanglah hendak mengambil bayan itu. Maka segala bayan itu pun bermatikan dirinya. Maka pada hati budak itu, "Sungguhlah mati bayan ini, oleh kerana aku lambat datang, lubangnya pun aku tutup; itulah sebabnya maka ia mati."

Lalu dibuangkan ke tanah segala burung bayan itu. Maka tinggal seekor lagi bayan yang tua itu.

Arkian, setelah bayan yang banyak itu habis jatuh ke tanah berkaparan, maka terbanglah sekaliannya. Setelah dilihat oleh budak itu akan kelakuan bayan itu, maka ia pun marahlah, lalu turun ke tanah, katanya, "Binatang haram jadah ini, ditipunya kita, *pura-pura mematikan dirinya*. Aku lontarkan ke tanah berkaparan seperti bangkai lalu ia terbang habis. Tetapi baiklah yang tinggal ini kubunuh juga, baharu puas rasa hatiku."

(Dipetik daripada *Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya*,
dalam Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *pura-pura mematikan dirinya*. [2 markah]
- (ii) Mengapa budak itu sangat marah terhadap anak-anak burung bayan? [2 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah kepupusan burung bayan? [4 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

Soalan 2 (d) Petikan Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
 Ayamnya menang kampungnya tergadai
 Ada nasi dicurahkan
 Awak puang kebuluran
 Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang;
 Ada isteri dibunuh
 Nyaris mati oleh tak makan
 Masa belayar kematian angin
 Sauh dilabuh bayu berpuput
 Ada rumah bertandang duduk.

(Dipetik dalam *Antologi Anak Laut*, DBP, 2000)

- (i) Jelaskan maksud rangkai kata *hilir menongkah pasang*? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengubah nasib malang yang dialami oleh seseorang? [4 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam seloka di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan Dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan**

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, merumarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

- (i) berhemah - berhemat
- (ii) dibubar - digubal
- (iii) menghebahkan - menghebohkan

[6 markah]

- (b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.

- (i) Adakah semua pendatang asing yang tinggal di kem itu akan dipindahkan ke Taman Murni atau dihantar pulang ke negara masing-masing?
- (ii) Anak-anak yatim yang tinggal di asrama itu bermain bola di padang sekolah.
- (iii) Saya tidak teragak-agak untuk menyaman pemuda itu kerana telah melontarkan fitnah terhadap keluarga saya.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Nurkhalim mengerak-gerakan kepalanya kerana terlalu asyik membaca buku ilmiah karya seorang ilmuwan terkenal dari Universiti Malaya.
- (ii) "Saya ingin mengingatkan saudara bahawa jalan yang menghala ke utara Grik mempunyai selekoh merbahaya yang banyak dan dalam bulan ini sahaja telah terbabit enam nahas jalan raya yang mengerikan," kata Haji Baharudin.
- (iii) Pipi Puteri Aliyuni merah-kemerahan setelah disapu dengan kosmetik yang dibeli oleh ibunya pada petang tadi.

[6 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kebaya adalah busana Melayu tradisi yang menjadi warisan bangsa dan masih popular di kalangan wanita pantai timur.
- (ii) Kebanyakan pelajar-pelajar sekolah gemar melepak kerana terpengaruh melalui rakan sebaya.
- (iii) Setelah terdampar di hospital selama dua bulan, akhirnya penyakit yang dihidapi oleh Pak Sudin telah sembuh dan beliau akan pulang kira-kira lagi dua hari.

[6 markah]

(e) Nyatakan peribahasa yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa-peribahasa di bawah.

- (i) Ke mana tumpah kuah, kalau tidak ke nasi.
- (ii) Harapkan guruh di langit, air di tempayan dicurahkan.
- (iii) Rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Watak memainkan peranan penting dalam menghidupkan sesebuah cerita.

Berdasarkan novel yang anda kaji, bandingkan perwatakan watak utama dengan satu watak sampingan.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda telah pelajari, huraikan dua nilai keberanian yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**